

# Laporan Tahunan



2014



# 14

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
NEGERI PULAU PINANG

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang  
2014 • **Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Bank Data ICT**  
• Mohd Munizam Bin Abd Aziz • Asmahan Binti Mokti,  
Khadijah Binti Abdul Karim • Zuraida Binti Zakaria • Azhani Binti  
Md Shahid • Norazira Binti Abdul Wahab • Azwari Bin  
Ismail • Kharizal Rissza Binti Ismail, Shaharil Bin  
Mohamad • Rohim Bin Samsudin • Nurul Akmal Hafis Bin  
Nuruddin • Mohd Zaki Bin Mat Nor • Sharmiza Binti Muhd  
Shabidi • Fairus Binti Baharom • **Bahagian Korporat Dan**  
**Lembaga Rayuan** • Nina Izurin Binti Yahya • Fifi Hidayah Binti  
Alwi • Seri Zaimahani Binti Zaini • Nor Amalina Binti  
Auzir • Rakiah Binti Laidin • Ismit Bin Yusof • Mohd Ghazali Bin  
Abdul Rosit • Mohd Fadzli Bin Ahmad • Anhai Minsai • Ariffin  
Bin Awang • Muhd Roslan Bin Md Sidek • Nor Aklili Riana Binti  
Rozali • **Bahagian Rancangan Pembangunan Dan Projek**  
**Khas** • Mohd Khaizal Bin Maa'rip • Asmaliza Binti  
Shaidan • Nuriza Binti Mustaman • Muhd Zamani Bin  
Salleh • Loh Yoon Sang • Md Zuhriamri Bin Zamri • Hamasrull  
Bin Hassan • Mohd Khairi Bin Mat Yasin • Shukor Bin Mohd  
Ali • Muhd Najmi Bin Salim • Marfuzah Binti Abdul Kadir •  
**Bahagian Pentadbiran** • Mariam Binti Ahmad • Nur Azlin Binti  
Mohd Kamal • Sahrizal Bin Jamaludin • Md Shukri Bin  
A.Hamid • Hashraf Bin Shaikh Hussin • Muziah Binti  
Hamzah • Siti Nurhidayah Binti Ilyas • Razak Bin Ahmat



Peringgi Street Art - Children on the Swing

Penulis • TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MAIDIN • ketua Pengarang • ENCIK MUNIZAM BIN MOHD AZIZ

Pengarang • CIK NINA IZURIN BINTI YAHYA

Editor ENCIK ANNAI MINSAI • PUAN RAKIAH BINTI LAIDIN

Pereka Grafik ENCIK MUHD ROSLAN BIN MD SIDEK

Bahan Dan Foto • PUAN SERI ZAIMAHANI BINTI ZAINI • CIK NUR AKLILI RIANA BINTI ROZALI

• ROSLI BIN HARON • PUAN NUR HIDAYAH BINTI ZAINOL • PUAN NURLIZA BINTI BUSTAMAN

• ENCIK SHUKOR BIN MOHD ALI • ENCIK MUHD NAJMI BIN SALIM • PUAN SHARMIZA BINTI MUHD SHABIDI

• ENCIK KHAIRIZAL RISSHA BIN ISMAIL • ENCIK GHAZALI BIN ABDUL RASIT • PUAN NOR AMALINA BINTI AUZIR


• PUAN FIFI HIDAYAH BINTI ALWI • PUAN SITI NURHIDAYAH BINTI ILYAS • ENCIK ASHRAF BIN SHAIKH HUSSIN

• ENCIK KHAIRI BIN MAT YASIN • ENCIK ANUAR BIN RAWI

Editorial



*Little Children on a Bicycle*

- 
- i Editorial
  - ii Isi Kandungan
  - iv Sekapur Sireh

## Kandungan Bab

# 1

### Pendahuluan

Mukasurat 01

- Sepintas Lalu Sejarah Negeri Pulau Pinang
- JPBD Pulau Pinang

# 2

### Strategi Korporat

Arah Tuju Pengurusan JPBD Negeri Pulau Pinang

Mukasurat 04

- Misi
- Visi
- Moto
- Objektif
- Piagam Pelanggan
- Pelan Strategik
- Teras Strategik
- Budaya Kerja
- Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# 3

### Struktur Organisasi Jabatan

Mukasurat 17

- Fungsi Jabatan
- Struktur Organisasi Utama
- Perjawatan
- Struktur Organisasi Bahagian-Bahagian
- Bahagian Kawalan Pembangunan & ICT
- Bahagian Korporat & Lembaga Rayuan
- Bahagian Rancangan Pembangunan & Projek Khas
- Bahagian Pengurusan & Pentadbiran

# 4

## Pengurusan Kewangan & Sumber Manusia

Mukasurat 39

- Prestasi Kewangan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Penganugerahan



# 5

## Pencapaian Jabatan

Mukasurat 54

- 5.1 Perancangan Korporat Jabatan
- 5.2 Pengurusan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang
- 5.3 Penyediaan & Pemantauan Rancangan Pemajuan
- 5.4 Kawalan & Khidmat Nasihat Perancangan
- 5.5 Sistem Maklumat Gunatanah Negeri dan ICT



# 6

## Peristiwa-Peristiwa Penting Sepajang Tahun 2014

Mukasurat 101

- Doha, Qatar
- Guangzhou, China
- Lawatan JPBD Negeri Kedah
- Jasamu Dikenang
- Hari Kemerdekaan Ke 57
- Perarakan Maulidur Rasul 2014
- Cergas Dan Cerdas Kelab JPBD Pulau Pinang



# SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, Laporan Tahunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang telah berjaya disempurnakan dan memperihalkan tugas - tugas rasmi jabatan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat JPBD Pulau Pinang sepanjang tahun 2014.

Senario perancangan sepanjang tahun 2014, lebih tertumpu ke arah memperkasakan perancangan gunatanah di mana Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif ke arah menggalakkan dan mempermudahkan proses pembangunan. Laporan Gunatanah terkini Negeri Pulau Pinang menunjukkan sektor perumahan telah mendominasikan permintaan keseluruhan gunatanah, lanya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memberi peluang orang awam memiliki hartanah mengikut kemampuan.

JPBD Pulau Pinang melalui Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dengan kerjasama kedua-dua PBT telah memberi komitmen yang tinggi kepada Kerajaan Negeri untuk memperkuuhkan lagi dasar - dasar perancangan semasa juga memperkenalkan dasar - dasar serta garis panduan baru. Rekod pencapaian JPN di tahun 2014 amatlah memberangsangkan di mana mesyuarat JPN telah berjaya diadakan sebanyak 17 kali dalam setahun.

Antara dasar-dasar yang telah dibuat penambahbaikan dan diterima pakai Kerajaan Negeri - *Cadangan Garis Panduan Permohonan Binaan Tambahan Di Kawasan Seberang Perai, Garis Panduan Penggunaan Nisbah Plot Bagi Pemajuan Kediaman Di Dalam Pemajuan Bercampur (Penambahbaikan), Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan Dan Nisbah Plot Bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Pindaan), Garis Panduan SOHO/Office Suite/Resort Suite Di Atas Lot Yang Dizonkan Sebagai 'Perniagaan Am' Atau 'Pelancongan Am' Mengikut Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang – (Penambahbaikan), Garis Panduan Penyediaan Skim Perumahan 100% Rumah Mampu Milik (RMM) Di Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Penetapan Syarat-Syarat Tambahan Untuk Bayaran Sumbangan Pembinaan Jalan Berkembar Tanjung Tokong-Teluk Bahang dan Cadangan Pindaan/Penambahbaikan Terhadap Pemberian Insentif (Rebet) Tempat Letak Kenderaan Dalam Tapak Warisan Dunia Georgetown Dan Bangunan Warisan*

*Sepertimana Yang Terkandung Dalam 'Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan & Bangunan - Bangunan Warisan MPPP 2007 (Pindaan 2009)'*

Beberapa ketetapan dasar dan perancangan infrastruktur juga dibincangkan di peringkat Negeri menerusi arahan JPN, antaranya meliputi *Cadangan Pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus) dari Lebuh Thean Teik (Bandar Baru Ayer Itam) ke Lebuh Bukit Jambul (Relau), Cadangan Pembinaan Jalan Sambungan Untuk Menghubungkan Jalan Zoo Dari Jalan Air Itam Ke Jalan Kampung Pisang, Cadangan Pelebaran Sebahagian Jalan Mount Erskine, Jalan Tanjung Bungah Ke Jalan Tanjung Tokong (Missing Link) dan Cadangan Menaiktaraf Jejantas Pejalan Kaki Di Persimpangan Jalan Penang / Jalan Burmah / Jalan Dr. Lim Chwee Leong.*

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri sebagai kerajaan yang telus, dasar membekalkan maklumat tanpa sempadan (Freedom of Information) diperkenalkan. Lanya bertujuan supaya orang awam diberi kebebasan untuk mengakses maklumat melalui saluran yang betul dan tepat. Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] telah diwartakan pada 2 Februari 2012 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015 di mana dua (2) undang-undang subsidiari berkaitan enakmen berkenaan telah disediakan.

JPBD Pulau Pinang juga memainkan peranan dengan memperkenalkan sistem 'web base' seperti aplikasi Lembaga Rayuan dan GIS yang boleh di akses dari luar.

JPBD Pulau Pinang telah berjaya meraih perhatian dan sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri dan merupakan salah satu agensi pelaksana yang terkehadapan dalam penggunaan aplikasi GIS. Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan ke 6 telah berlangsung pada 17-18 Mac 2014 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) telah berjaya menarik perhatian global. JPBD Pulau Pinang kini bersedia menyahut cabaran-cabaran yang mendarang untuk **Moving Forward** di dalam **JPBD GIS 2014**.

Kerajaan Negeri juga berhasrat menghidupkan dan memperkuuhkan fungsi serta peranan beberapa lokasi tapak-tapak Warisan Dunia George Town supaya lebih dinamik lagi

berdaya saing dalam tempoh jangka panjang. Justeru itu, Pelan Tindakan Pembangunan (Reruang Awam) diperkenalkan sebagai dokumen tambahan kepada pihak UNESCO. Lima (5) kawasan tindakan yang dicadangkan untuk penambahbaikan adalah di *The North Seafront, The East Sea Front – Port Area, The Clan Jetties, The Lebuh Acheh/Lebuh Armenian Neighbourhood* dan *Jalan Masjid Kapitan Keling (The Street Harmony)*.

JPBD Pulau Pinang juga memainkan peranan penting sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Landskap Negeri dan aktiviti penanaman pokok merupakan aktiviti wajib tahunan Kerajaan Negeri. Sebanyak 20,725 anak pokok telah berjaya ditanam di keseluruhan Negeri Pulau Pinang melibatkan usahasama pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Kaktangan JPBD Pulau Pinang juga diberi peluang untuk meningkatkan kefahaman landskap ke atas pembangunan persekitaran melalui beberapa siri lawatan kerja iaitu Pertandingan Landskap Peringkat Negeri, lawatan ke ladang penanaman orkid di Gunung Jerai dan MAHA 2014 di UPM.

Semangat kerja berpasukan dan budaya kerja cemerlang di kalangan pegawai juga tidak mengeneplikan kepentingan hal kekeluargaan. Selain daripada perhimpunan bulanan, jabatan telah berjaya melaksanakan beberapa program sosial dan kebajikan. Antaranya ialah Sambutan Hari Keluarga, Majlis Jamuan Hari Raya, Perarakan Sambutan Maulidur Rasul, Perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan, Majlis Gotong Royong, Pertandingan Boling Sempena Sambutan Hari Jadi T.Y.T Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Pertandingan Memancing Udang Galah anjuran Kelab JPBD Pulau Pinang, membuat kutipan derma bagi membantu anggota-anggota yang bermasalah dari segi kesihatan, kematian dan sebagainya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Warga JPBD Pulau Pinang atas usaha yang berterusan sepanjang tahun 2014 dan berjaya menghasilkan pencapaian yang sangat memberangsangkan.

Sekian. Terima kasih.

**Haji Mohd Anuar Bin Maidin**  
Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa  
Negeri Pulau Pinang



# PENDAHULUAN



# The Fort, Penang

## SEJARAH PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA

Sejarah Ringkas Perubahan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

### Perancangan Bandar Di Tanah Melayu

Pada tahun 1801, Jawatankuasa Penilai (Committee of Assessors) telah ditubuhkan di Pulau Pinang bagi menjalankan perkhidmatan awal perancangan Bandar. Telah menyusun atur bandar kepada keadaan yang paling sesuai untuk keadaan penduduk lama merupakan rekod-rekod terawal untuk memperkenalkan aktiviti perancangan bandar di negara ini.

### Perancangan Bandar Pada Awal Abad Ke 19

Pada tahun 1912 - W.F. Nutt memohon Majlis Persekutuan (Federal Council) Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) mengambil tindakan terhadap pembangunan dan perluasan perbandaran yang tidak terancang

Bagi tujuan tersebut, pada tahun 1913 - Satu perundangan perancangan bandar disediakan supaya bandar tersebut dapat disusun aturkan mengikut kawasan perkedaian dan lain-lain aktiviti (Federal Council, 1913) di Kuala Lumpur. E.L. Brockman (Chief Secretary) telah mengumumkan perubahan Jawatankuasa Perancang Bandar yang berkuatkuasa bagi kawasan Kuala Lumpur dengan bertujuan untuk menjalankan perkhidmatan perancangan bandar.

### Detik Permulaan

Pada 3 September 1920 - Kerajaan British di Tanah Melayu memohon supaya Government Town Planner, Charles Reade dari Kerajaan Australia Selatan datang ke Tanah Melayu. Pada 18 Januari 1921 - Pejabat pertama terletak di bangunan Secretariat, Kuala Lumpur. Dari 1921 hingga 1927 Reade telah dibantu oleh pegawai-pegawai Juru Ukur dan Jurutera Awam yang dipinjam dari jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Pegawai Tadbir dari Pejabat Tanah juga telah dilibatkan dalam mentadbir aktiviti perancangan semula dan agihan lot sebagai Town Planning Administrator.

Tahun 1923 - Penggubalan Enakmen Perancangan Bandar yang memperkenalkan General Town Plans dan menjalankan aktiviti penyusunan semula lot-lot (replanning and redistribution) di Kuala Lumpur dan di beberapa pekan di F.M.S. Susunatur bandar baru pertama telah disediakan di Kuala Kubu Baru pada tahun 1924 bagi menempatkan semula pekan lama di Ampang Pechah yang sering dilanda banjir.

Enakmen Perancang Bandar 1927 telah digubal mengganti Enakmen 1923 di mana Jawatankuasa Perancang Bandar telah dimansuhkan dan aktiviti perancangan telah diperkuatkannya. Pada penghujung tahun 1929, jabatan telah mempunyai lima pegawai perancang bertauliah dari Britain dan ditempatkan di F.M.S. Dengan persaraan Reade pada 1929, R.P. Davis menjadi ketua jabatan. Semua pegawai perancang bandar telah ditamatkan perkhidmatan. Pada tahun 1933 pula, khidmat Perancangan berpusat di Kuala Lumpur di mana tugas-tugas perancangan hanya meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

### Selepas Merdeka

Sistem perkhidmatan perancangan telah dijalankan berdasarkan kepada dua peringkat iaitu Persekutuan dan Negeri di bawah "senarai bersama" (concurrent list) Perlembagaan Persekutuan. Selaras dengan ini, organisasi jabatan telah disusun semula dengan mengadakan pejabat-pejabat di peringkat negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 1958. Dato' Rosli Buyong menjadi Ketua Pengarah pada tahun 1970. Unit Landskap ditubuhkan pada tahun 1981 (kemudian menjadi Jabatan Landskap Negara pada tahun 1996). Tahun 1990-an

Dato' (Prof.) Zainuddin Muhammad menjadi Ketua Pengarah pada tahun 1993. Rancangan tempatan rancak disediakan oleh pejabat-pejabat cawangan rancangan pembangunan. Pelan Susunatur Putrajaya dan Cyberjaya telah dirancang pada awal tahun 90an. Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa telah dibuat menyentuh aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar, fizikal, topografi, landskap dan pemeliharaan pokok (Akta A933) dan Akta Perancangan Bandar (Akta 538) juga digubal untuk mengawal mutu profesionalisme para pengamal perancangan bandar. Pada tahun 1990an tumpuan juga diberikan kepada perancangan mamparn melalui penyediaan Doktrin Perancangan Sejagat dan juga pelbagai Garis Panduan Perancangan bagi rujukan dan panduan Pihak Berkuausa Tempatan (PBT). Perancangan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) telah dijalankan melalui perwujudan garis panduan Kawasan Sensitif Alam Sekitar, Negeri Selangor, telah mempelopori dengan mengambil inisiatif dengan melaksanakan Agenda 21, Strategi Pembangunan Mamparn Selangor. Teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah diterapkan dalam penyediaan rancangan pemajuan. Penyelidikan indikator bandar mamparn melalui program Malaysia Urban Indicator Network (MURNinet) telah dijalankan pada penghujung 90an dan diperkembangkan pada tahun-tahun berikutnya.

## Sepintas Lalu SEJARAH NEGERI PULAU PINANG



Panorama Dari Bukit Bendera

## Penubuhan JPBD Pulau Pinang

JPBD Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 1959, iaitu negeri keempat selepas Perak, Johor dan Selangor. Antara peranan utama ketika itu adalah untuk melaksanakan tugas-tugas utama perancang Bandar termasuk aspek kawalan susunatur dan perancangan bandar melalui penyediaan pelan induk jangka panjang.

Dinamakan sebagai Pejabat Perancang Bandar Wilayah Utara dengan pejabat pertama di Fort Cornwallis, Georgetown. Pada 5 Mei 1962 - dinamakan sebagai 'Pejabat Perancang Negeri' dan mula beroperasi/berpindah dengan pejabat operasi yang lebih besar di bangunan Tunku Syed Putra, Lebuh Downing pada 5 Mei 1962.



Bangunan Tuanku Syed Putra,  
Georgetown

## Proses Desentralisasi

Semenjak tahun 1957, sistem perkhidmatan perancangan bandar telah dijalankan berdasarkan Sistem Dua Peringkat iaitu 'Persekutuan' dan 'Negeri' dibawah senarai bersama Perlembagaan Persekutuan. Ini bertujuan untuk mempercepatkan dan melicinkan pembangunan Negara dengan lebih teratur, di mana tugas pengawalan pembangunan disalurkan ke peringkat negeri, manakala pembentukan dasar dan polisi adalah di peringkat persekutuan (Ibu Pejabat).

Fort Cornwallis, Padang Kota Lama



Tugas jabatan secara menyeluruh bermula pada Jun 1982, apabila negeri ini menerima pakai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memberi kuasa kawalan dan perancangan melalui Jawatankuasa Perancangan Negeri, Kawalan Pembangunan serta penyediaan Rancangan Pemajuan sebagai instrumen kawalan perancangan.

Kini, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang telah berpindah ke bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) semenjak 1984 sehingga sekarang.

KOMTAR, Georgetown





*The Awaiting Trishaw Paddler*

## 2 STRATEGI KORPORAT

Secara dasarnya, objektif Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia adalah :

Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara

Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan akta-akta berkaitan

Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan

Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang

## MISI

Selaras dengan itu, **Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang** menekankan kepada pencapaian 'Misi' dan 'Visi' seperti berikut:

Menjadikan Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai agensi peneraju dalam **Mempromosikan Kecemerlangan Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa** di Malaysia.

## VISI

**Mewujudkan Persekutaran Kehidupan Manusia Yang Berkualiti dan Mampu Selaras Dengan Ciri-ciri Sosio-Budaya Masyarakat Tempatan Malaysia.**

Ke Arah itu, JPBD Pulau Pinang turut memartabatkan **Dasar Kualiti** berikut :

**Menjadikan Jabatan Sebagai Pusat Bagi Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.**

## MOTO

**"TRANSFORMASI PERANCANGAN KE ARAH KEMAMPMANAN"**

## PIAGAM PELANGGAN

Dengan Itu Kami Berjanji



- MENGURUSETIAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI  
**4 Kali Setahun**
- MEMBERI ULASAN PERANCANGAN  
**Tidak Melebihi 14 Hari**
- MEWARTAKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN), RANCANGAN TEMPATAN (RT) DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)  
**Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri**
- MEMASTIKAN RSN DIKAJI SEMULA  
**Dalam Tempoh 5 Tahun Selepas Pewartaan**
- MENYELARAS PENYEDIAAN RT DAN RKK SERTA MEMANTAU PELAKSANAANNYA  
**Berdasarkan Program Rancangan Malaysia 5 Tahun**
- MENYEDIA/MENYELARAS PELAN PROJEK KHAS  
**Dalam Tempoh 60 Hari**
- MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)  
**Setiap 6 Bulan**
- MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN BERTULIS LEMBAGA RAYUAN KEPADA PERAYU DAN RESPONDEN
- **Dalam Tempoh 10 Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada Pengurus Lembaga Rayuan**
- MEMBEKAL MAKLUMAT PERANCANGAN (KATEGORI TIDAK BERPERINGKAT)  
**Dalam Tempoh 5 Hari**
- MEMBERI LAYANAN KAUNTER DENGAN BERBUDI BAHASA  
**Dalam Tempoh 5 Minit**

# PELAN STRATEGIK JPBD

PELAN STRATEGIK JABATAN 2012-2020

Penyediaan Pelan Strategik JPBD 2012-2020 merupakan kesinambungan dan penambahbaikan kepada Rancangan Strategik Jabatan (RSJ 920) 2006-2015. Pelan Strategik ini memberi arah tuju JPBD yang jelas dalam merealisasikan visinya untuk '**Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekutuan Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020'**'

Dokumen yang dirangka untuk tempoh lapan (8) tahun ini menetapkan suatu anjakan peranan JPBD dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya selaras dengan dasar transformasi Kerajaan. Ini memerlukan perkhidmatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan bagi memenuhi aspirasi dan harapan pihak berkepentingan dan pelanggan yang sentiasa meningkat serta mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab ini perlu diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran.

Suatu sistem perancangan dan pengurusan yang mantap memerlukan satu sinergi baru bagi menangani isu-isu, cabaran-cabarank dan mengambil peluang-peluang serta mengeksplorasi potensi-potensi yang terserlah dalam mencapai hasrat JPBD. Situasi ini juga menuntut komitmen JPBD untuk memperkasa keupayaannya selari dengan proses pemodenan dan transformasi perkhidmatan agar lebih mudah, pantas dan berkesan serta mempunyai *value for money*.

## TERAS STRATEGIK JABATAN

Bagi memastikan pencapaian Visi dan Misi JPBDSM, enam (6) Teras Strategik dan 21 Strategi mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA) akan diberikan penumpuan dalam tempoh Pelan Strategik Jabatan iaitu :-

### Teras Strategik 1

Mempertingkatkan keberkesan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti.

#### KRA 1 : Pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti

- Strategi:
- Menyediakan rancangan pembangunan dan memantau pelaksanaannya ;
  - Menyediakan dasar - dasar pembangunan dan pengurusan gunatanah ;
  - Mempertingkatkan perancangan bersama awam dalam proses penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan.

## Teras Strategik 2

Mermantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia.

### KRA 2 : Penyelidikan dan pembangunan ke arah produk bertaraf dunia

Strategi :

- Menyediakan Garis panduan perancangan/kajian penyelidikan/eksplorasi pendekatan dan teknik baru/manual baru ;
- Meningkatkan pemakaian dan kualiti Garis Panduan Perancangan ; dan
- Melaksanakan Pengukuran Kemampuan Bandar.

## Teras Strategik 3

Mempertingkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.

### KRA 3 : Pematuhan kepada perancangan dan pembangunan

Strategi :

- Memperkasakan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172);
- Memperkuuhkan pematuhan kepada Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) untuk memudahkan cara pembangunan ;
- Memastikan penyalarasam pembangunan di antara negeri dan wilayah bersempadan ; dan
- Memperkuuhkan Peranan Pengarah Negeri

## Teras Strategik 4

Mempertingkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.

### KRA 4 : Memperkasakan Maklumat Guna Tanah Negara

Strategi :

- Mengukuhkan pangkalan data guna tanah jabatan ; dan
- Memperkasakan peranan Pusat Maklumat Gunatanah Negara.

## **Teras Strategik 5** Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBDSM

### **KRA 2 : Kerjasama Strategik**

- Strategi :*
- Memperkuuhkan jaringan perhubungan dengan pihak yang berkepentingan dan pelanggan ;
  - Mempertingkatkan penglibatan jabatan di peringkat antarabangsa ; dan
  - Mempertingkatkan promosi peranan Perancangan Bandar dan Desa.

## **Teras Strategik 6** Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBDSM

### **KRA 2 : Pembangunan Kapasiti Organisasi**

- Memantapkan pengurusan sumber manusia ;
- Menjayakan pembangunan kompetensi ;
- Memperkasakan ICT Jabatan ;
- Memantapkan Organisasi ;
- Memastikan semua lapisan pegawai mempunyai tahap integriti yang tinggi ; dan
- Memperkemaskan pengurusan kewangan secara berhemah.

Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspitasi rakyat serta masyarakat yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik ini telah menggariskan beberapa teras strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan turut diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasian, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan petunjuk prestasi yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

## BUDAYA KERJA NILAI-NILAI TERAS

Warga JPBD menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras perkhidmatan awam iaitu :-

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan serta fakta yang lengkap dan tepat.



# BUDAYA KERJA NILAI-NILAI BERSAMA

Warga JPBD menghayati dan mengamalkan nilai-nilai bersama budaya kerja **10K** iaitu :-

1

## KETAQWAAN

Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat ;

2

## KOMITMEN

Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan ;

3

## KEINDAHAN

Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan ;

4

## KONSISTENSI

Melaksanakan tugas-tugas secara konsistensi bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan ;

5

## KESOPANAN

Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan ;

6

## KMESRAAM

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai ;

7

## KEBOLEHPERCAYAAN

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan ;

8

## KECEMERLANGAN

Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa ;

9

## KREATIVITI & INOVASI

Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi ; dan

10

## KESEGARAN

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian



# DASAR KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

## Dasar Berjiwa Rakyat

Bagi memastikan negeri Pulau Pinang terus maju dan membangun selaras dengan tagline kerajaan "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" serta mengamalkan dasar utama iaitu "**Kerajaan Berjiwa Rakyat**". Melalui dasar utama ini, ia hanya memperkenalkan misi 3P iaitu -

Perkasakan, Perkuasakan serta Perkayakan rakyat.

- **Perkasakan rakyat** dengan kepakaran, ilmu pengetahuan dan pendidikan serta menyediakan peluang yang saksama kepada semua lapisan masyarakat bagi menjana kemakmuran rakyat ;
- **Perkuasakan rakyat** dengan hak-hak asasi, kebebasan asas dan kebertanggungjawaban serta menghormati kedaulatan undang-undang ;
- **Perkayakan rakyat** dengan berkongsikan kekayaan dan hasil ekonomi demi mencapai keadilan sosioekonomi .

## Perkasakan Rakyat

Antara inisiatif dijalankan dibawah dasar **3P** ini termasuk:

**Memberikan wi-fi percuma di seluruh Pulau Pinang** ke arah mewujudkan rakyat celik komputer dan negeri wi-fi pertama di Malaysia; • **Menubuhkan sebuah Hab Pendidikan** seluas 200 ekar demi menjayakan impian Pulau Pinang sebagai pusat pendidikan cemerlang yang akan menjadi inkubator bagi membangunkan modal insan, kewirausahaan dan ilmu pengetahuan ; • **Pengiktirafan dan wang ganjaran** kepada pelajar cemerlang SPM dan STPM serta memartabatkan para huffaz yang selama ini tidak pernah diberikan status melalui penganugerahan, pengiktirafan sijil dan penghargaan wang khas; • **Menubuhkan Majlis Sains Pulau Pinang** yang dipandu oleh industri untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah pusat kecemerlangan kejuruteraan dan sains; • **Menyalurkan bantuan kewangan** sebanyak RM97,000 (secara purata) kepada Sekolah Agama Rakyat, RM60,000 (secara purata) kepada sekolah Cina dan RM63,000 (secara purata) kepada sekolah Tamil di mana jumlah peruntukan tahunan adalah menjangkau RM11.3 juta; • **Menyediakan tanah untuk pembinaan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil** dengan kos pembinaannya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan; • **Menangani diskriminasi terhadap golongan kaum wanita** dengan melancarkan program kesaksamaan jantina dan melantik wanita-wanita berkebolehan; • **Menyediakan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU)** di mana Pulau Pinang telah diperakukan oleh Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) sebagai negeri yang mempunyai kemudahan OKU terbaik di Malaysia; • **Menyediakan peruntukan dana bagi memperoleh tanah dan kubur** untuk masjid serta menyediakan tempat beribadat kepada penganut bukan Islam; • **Menubuhkan pusat wanita** dan pusat jagaan kanak-kanak supaya golongan wanita dapat berdikari serta mempunyai peluang untuk bekerja dan mengejar impian kerjaya mereka.

## Perkuasakan Rakyat

Negeri pertama di Malaysia yang berhasrat mengembalikan hak undi ketiga kepada rakyat dengan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya supaya mengadakan **pilihan raya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang**; Pulau Pinang adalah negeri pertama di dalam sejarah Malaysia yang mendapat **pengiktirafan Transparency International** kerana urus tadbir CAT yang telah berjaya menukar anggaran defisit Belanjawan 2008 dari RM35 juta kepada lebihan rekod sebanyak RM88 juta dan anggaran Belanjawan 2009 dari defisit RM 40 juta kepada lebihan sebanyak RM77 juta ; Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengamalkan **sistem tender terbuka dan pembelian kerajaan melalui internet (e-tender)**. Sistem ini telah mengurangkan pembaziran, membantersa amalan rasuah, menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM20 juta setahun, termasuk mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal sebanyak 45 peratus; **Langkah anti-rasuah** seperti 'Hadiah Integriti' sebanyak RM10,000 kepada pegawai kerajaan yang berani tampil ke depan untuk membongkar segala bentuk penyelewengan serta Hadiah Kreativiti dan Inovasi sebanyak RM10,000 untuk mengurangkan/mempermudahkan prosedur bagi meningkatkan keberkesanannya pentadbiran kerajaan ; Menjadi **Negeri Hijau** pertama di Malaysia yang menjalankan **kempen pemuliharaan alam sekitar** seperti 'Hari Tanpa Beg Plastik' bagi mengurangkan penggunaan beg plastik, EM mudballs bagi membersihkan sungai dan parit serta memperkenalkan Indeks Bangunan Hijau (GBI) dalam melestarikan keindahan alam sekitar;

\*

Berjaya dalam **memelihara, memulihara dan mempromosi George Town** sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dengan menghadkan ketinggian bangunan kepada 18 meter; \* Menunjukkan ketegasan dalam **menentang undang-undang zalim** yang **mencabuli prinsip hak asasi manusia** dengan mendirikan papan tanda ' Tak Nak ISA ' yang pertama di Malaysia serta menggalakkan kebebasan bersuara dengan menyediakan Sudut Pidato; \* Kerajaan Pakatan Rakyat telah **menambahkan peruntukan** kepada hal ehwal agama Islam daripada RM12.5 juta pada tahun 2008, tahun terakhir BN memerintah, kepada RM20.5 juta pada tahun 2009 dan RM24.3 juta pada tahun 2010 serta memastikan tempat ibadat untuk pengikut bukan Islam; \* dan **Pemasangan CCTV** dan **program kepolisan komuniti** untuk mengurangkan kadar jenayah dan menjaga ketenteraman awam.



Negeri pertama di Malaysia yang berjaya membasmi miskin tegar dalam masa setahun dan memastikan setiap keluarga memperolehi **bantuan RM500 sebulan** melalui program **Rakan Anti Kemiskinan (RAK)**. Memberi pengiktirafan dan **penghargaan RM100 setahun** kepada **semua warga emas** melebihi 60 tahun yang bermastautin di Pulau Pinang, bermula pada 20 Mac 2010; \* Dalam tahun 2008-2009, memberi **rebet bekalan air sebanyak RM100** sekeluarga untuk 170,000 buah keluarga susah yang berpendapatan sederhana dan rendah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM17 juta; \* **Rebet bekalan air** Sebanyak 50% bagi semua tempat-tempat ibadat di Pulau Pinang; Memperuntukkan **RM10 juta** untuk mengadakan **Pusat Latihan dan Bantuan Kerjaya (CAT)** bagi membantu mereka yang telah dibuang kerja atau mencari kerja; **Membatalkan semua saman dan kompaun** meletak kereta dan lesen penjaja yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) sebelum 8 Mac 2008; \* Diskaun **bayaran lesen sebanyak 50%** kepada semua penjaja dan nelayan di Pulau Pinang mulai 2010; \* dan Menghulurkan **bantuan kebajikan** kepada mangsa kebakaran, banjir dan bencana alam dalam tempoh 24 jam.

## **ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2010 (FOI) / [ENAKMEN 16]**



Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah polisi pentadbiran yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), telah berusaha bagi memastikan rakyat Pulau Pinang diberi kebebasan untuk mengakses maklumat melalui saluran yang betul dan tepat. Selaras dengan tujuan tersebut, maka Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] telah diwartakan pada 2 Februari 2012 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015. Dua (2) undang-undang subsidiari berkaitan Enakmen yang telah disediakan adalah berkaitan ;

- Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat) 2014; dan
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014.

Melalui dasar ini, orang awam boleh mengakses maklumat daripada jabatan-jabatan negeri melalui permohonan rasmi. Walau bagaimanapun, akses kepada sebarang maklumat adalah tertakluk kepada undang-undang bertulis masing-masing dalam sub-peraturan 3(1), 4(2) dan 5(2) di bawah Enakmen 16.

Bagaimanapun akses yang dibenarkan ini tidak termasuk Maklumat-maklumat Yang Dikecualikan dalam seksyen 11, di bawah Enakmen 16. Antaranya yang tidak dibenarkan adalah maklumat peribadi, dokumen / keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, maklumat dalam prosiding mahkamah, pendedahan maklumat yang akan menjadi penghinaan Dewan Undangan Negeri, maklumat kategori sulit, kepentingan ekonomi Negeri, kesihatan dan keselamatan, penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang dan pelanggaran hak cipta.

Kerajaan Negeri melalui kerjasama pelbagai jabatan dibawahnya telah menyediakan pelbagai dasar dan strategi seperti berikut :



Cekap



Akauntabiliti



Jelus

## 1|DASAR PENYEDIAAN PELUANG PEKERJAAN

Pusat Career Assistance and Talent (CAT) Pulau Pinang

## 2|DASAR PEMBASMIAN KEMISKINAN

(Bantuan Kewangan - kesinambungan daripada kejayaan Dasar Pembasmian Kemiskinan Tegar)

## 3|DASAR PELANCONGAN NEGERI

10 Teras Pelancongan

## 4|DASAR WARGA EMAS

Program Penghargaan Warga Emas

## 5|DASAR PINJAMAN PENIAGAAN

(Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR))

## 6|DASAR BANTUAN RAKYAT TERMISKIN

Program Bantuan Rumah

## 7|DASAR HIJAU

Kempen Hari Tanpa Beg Plastik

## 8|DASAR KESAKSAMAAN GENDER

A photograph of a man wearing a white shirt and a black helmet, sitting on a black motorcycle. He is positioned in front of a set of red double doors with vertical bars. The doors are set into a wall that appears to be made of rough, textured concrete or stone. To the right of the doors, there is a large, weathered, and peeling yellow wall. The overall scene has a slightly aged and rustic feel.

## STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

3

## FUNGSI

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD Semenanjung Malaysia memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga (3) peringkat kerajaan iaitu persekutuan, negeri dan tempatan seperti berikut :

### Peringkat Persekutuan

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa ;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) ;
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisyen melalui undang-undang, prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan ;
- Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial ;
- Memudahcara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan ;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya ; dan
- Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara.

### Peringkat Negeri

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal-ehwal perancangan bandar dan desa dalam menyelaras pelaksanaan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) di peringkat Negeri ;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) ;
- Memudahcara dan memantau pembangunan dalam Negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan ;
- Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;
- Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa ;

- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya ; dan
- Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.


## Peringkat Tempatan

- Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) ;
- Memudahkan dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan ;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya ; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari masa ke semasa.

## FUNGSI JPBD PULAU PINANG

- Urusetia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).
- Melaksanakan tugas Sebagai Pendaftar Lembaga Rayuan.
- Membantu dalam mengubal dan menyelaras perlaksanaan dasar-dasar perancangan.
- Membantu dalam memberi khidmat nasihat perancangan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Memastikan kelincinan dan keberkesanan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Membantu dalam perjalanan mesyuarat-mesyuarat utama Negeri.
- Meningkatkan tahap kecekapan, kepakaran, kemahiran dan kreativiti kepada semua lapisan pegawai melalui program latihan sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun.

## STRUKTUR ORGANISASI UTAMA





Telah Berlaku Pada 3.3.2014



Telah Berlaku Pada 1.3.2014 Telah Ditarik Pada 1.12.2014



Jumlah Pentadbiran	9
Jumlah Keseluruhan	60
Jumlah Kekosongan	1
<b>Jumlah Sediada</b>	<b>59</b>

# STRUKTUR ORGANISASI

## JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG



<b>JUSA C</b>	<b>1</b>	<b>N17</b>	<b>3</b>
<b>J48</b>	<b>2</b>	<b>N22</b>	<b>1</b>
<b>J44</b>	<b>1</b>	<b>N11</b>	<b>3</b>
<b>J41</b>	<b>5</b>	<b>N27</b>	<b>1</b>
<b>JA 36</b>	<b>3</b>	<b>W17</b>	<b>1</b>
<b>JA 36 (KUP)</b>	<b>1</b>	<b>R3</b>	
<b>JA 29</b>	<b>32</b>		
<b>J 22 (KUP)</b>	<b>1</b>		
<b>J17</b>	<b>5</b>		

Jumlah teknikal 51

<b>Pengarah</b>	<b>(Juca C)</b>	<b>1</b>	Tuan Haji Zainuddin Bin Ahmad
<b>Timbalan Pengarah 1</b>	<b>(J48)</b>	<b>3</b>	Encik Munizam Bin Abdul Aziz
<b>Timbalan Pengarah 2</b>	<b>(J48)</b>	<b>4</b>	Tuan Haji Bakar Bin Othman
<b>Timbalan Pengarah 2</b>	<b>(J48)</b>	<b>5</b>	Encik Mohd Khaizal Bin Maa'rip
<b>Ketua Penolong Pengarah</b>	<b>(J44)</b>	<b>6</b>	Cik Nina Izurin Binti Yahya
<b>Penolong Pengarah</b>	<b>(J41)</b>	<b>7</b>	Puan Asmaliza Binti Shaidan
		<b>8</b>	Puan Asmahan Binti Mokti
		<b>9</b>	Encik Annai Minsal
		<b>10</b>	Cik Nazrina Binti Mohd Haniffa
		<b>11</b>	Cik Neoh Siew Yin
<b>Penolong Pegawai Perancang Kanan</b>	<b>(J36)</b>	<b>12</b>	Puan Khadijah Binti Abdul Karim
<b>Penolong Pegawai Perancang Kanan</b>	<b>(J36 KUP)</b>	<b>13</b>	Puan Rakiah Binti Laidin
<b>Penolong Pegawai Perancang</b>	<b>(JA29)</b>	<b>14</b>	Puan Zuraida Binti Zakaria
		<b>15</b>	Encik Mohd Khairi Bin Mat Yasin
<b>Penolong Shaharil Bin Mohamad</b>		<b>16</b>	Encik Shaharil Bin Mohamad
<b>Encik Mohd Zaki Bin Mat Nor</b>		<b>17</b>	Encik Mohd Zaki Bin Mat Nor
<b>Puan Azhani Binti Md. Shahid</b>		<b>18</b>	Puan Azhani Binti Md. Shahid
<b>Puan Sharmiza Binti Binti Muhd Shabidi</b>		<b>19</b>	Puan Sharmiza Binti Binti Muhd Shabidi
<b>Encik Norrazi Bin Ismail</b>		<b>20</b>	Encik Norrazi Bin Ismail
<b>Puan Norazira Binti Abdul Wahab</b>		<b>21</b>	Puan Norazira Binti Abdul Wahab
<b>Encik Nurul Akmal Hafis Bin Nuruddin</b>		<b>22</b>	Encik Nurul Akmal Hafis Bin Nuruddin
<b>Encik Rohim Bin Samsudin</b>		<b>23</b>	Encik Rohim Bin Samsudin
<b>Encik Khairizal Rissza Bin Ismail</b>		<b>24</b>	Encik Khairizal Rissza Bin Ismail
<b>Encik Rosli Bin Haron</b>		<b>25</b>	Encik Rosli Bin Haron
<b>Encik Abdul Rahman Bin Bakar</b>		<b>26</b>	Encik Abdul Rahman Bin Bakar
<b>Encik Anuar Bin Rawi</b>		<b>27</b>	Encik Anuar Bin Rawi
<b>Encik Mohd Sobri Bin Mohd Nor</b>		<b>28</b>	Encik Mohd Sobri Bin Mohd Nor
<b>Puan Nur Hidayah Binti Che Zainol</b>		<b>29</b>	Puan Nur Hidayah Binti Che Zainol
<b>Puan Syazirah Binti Nasir</b>		<b>30</b>	Puan Syazirah Binti Nasir
<b>Encik Farid Bin Haji Hashim</b>		<b>31</b>	Encik Farid Bin Haji Hashim
<b>Encik Mohd Faris Bin Ahmad Nahar</b>		<b>32</b>	Encik Mohd Faris Bin Ahmad Nahar
<b>Encik Ghazali Bin Abdul Rasit</b>		<b>33</b>	Encik Ghazali Bin Abdul Rasit
<b>Puan Seri Zaimahani Binti Zaini</b>		<b>34</b>	Puan Seri Zaimahani Binti Zaini
<b>Encik Arifin Bin Awang</b>		<b>35</b>	Encik Arifin Bin Awang
<b>Encik Muhd Roslan Bin Md Sidek</b>		<b>36</b>	Encik Muhd Roslan Bin Md Sidek
<b>Puan Nor Amalina Binti Auzir</b>		<b>37</b>	Puan Nor Amalina Binti Auzir
<b>Encik Mohd Fadzli Bin Ahmad</b>		<b>38</b>	Encik Mohd Fadzli Bin Ahmad
<b>Cik Fifi Hidayah Binti Alwi</b>		<b>39</b>	Cik Fifi Hidayah Binti Alwi
<b>Puan Nurliza Binti Mustamam</b>		<b>40</b>	Puan Nurliza Binti Mustamam
<b>Encik Loh Yoon Sang</b>		<b>41</b>	Encik Loh Yoon Sang
<b>Encik Muhd Najmi Bin Salim</b>		<b>42</b>	Encik Muhd Najmi Bin Salim
<b>Encik Muhd Saufee Bin Mohamad Saad</b>		<b>43</b>	Encik Muhd Saufee Bin Mohamad Saad
<b>Puan Marfuzah Bin Abdul Kadir</b>		<b>44</b>	Puan Marfuzah Bin Abdul Kadir
<b>Encik Muhammad Zamani Bin Salleh</b>		<b>45</b>	Encik Muhammad Zamani Bin Salleh
<b>Encik Shukor Bin Mohd Ali</b>		<b>46</b>	Encik Shukor Bin Mohd Ali
<b>Encik Zuhriamri Bin Zamri</b>		<b>47</b>	Encik Zuhriamri Bin Zamri
<b>Setiausaha Pejabat</b>	<b>(N27)</b>	<b>2</b>	Cik Nor Azlin Binti Mohd Kamal
<b>Pelukis Pelan</b>	<b>(J22 KUP)</b>	<b>48</b>	Encik Ismit Bin Yusof
<b>Pembantu Tadbir Kanan</b>	<b>(N22)</b>	<b>49</b>	Puan Mariam Binti Ahmad
<b>Pelukis Pelan</b>	<b>(J17)</b>	<b>50</b>	Encik Azwari Bin Ismail
		<b>51</b>	Puan Fairus Binti Baharom
		<b>52</b>	Puan Nor Latifah Binti Zainuddin
		<b>53</b>	Puan Armilia Binti Omar
		<b>54</b>	Cik Nur Aklili Riana Binti Rozali
<b>Pembantu Tadbir</b>	<b>(N17)</b>	<b>55</b>	Puan Muziah Binti Hamzah
		<b>56</b>	Encik Ashraf Bin Shaikh Bin Hussin
		<b>57</b>	Puan Nazirah Binti Ahmad
		<b>58</b>	Siti Nurhidayah Binti Ilyas
<b>Pembantu Am Rendah</b>	<b>(N11)</b>	<b>59</b>	Encik Sharizal Bin Jamaludin
		<b>60</b>	Encik Md Shukri Bin A. Hamid
<b>Pemandu Kenderaan Bermotor</b>	<b>(H11)</b>	<b>61</b>	Encik Razak Bin Ahmat

## PERJAWATAN

JPBD Negeri Pulau Pinang mempunyai sebanyak 64 perjawatan selaras dengan kelulusan JPA. Daripada jumlah ini, hanya 59 jawatan telah diisi manakala 5 jawatan masih kosong iaitu jawatan **Pengarah Jabatan Gred JUSA C** dan **empat (4) jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29**.

Perjawatan sehingga akhir tahun 2014 adalah seperti berikut:

Skim Perkhidmatan	Gred	Kelulusan Perjawatan JPA	Pengisian	Kekosongan
<b>PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL (Pegawai Perancang Bandar Dan Desa)</b>				
Pengarah	JUSA C	1	0	1
Timbalan Pengarah	J48	2	2	0
Ketua Penolong Pengarah	J44	1	1	0
Penolong Pengarah	J41	5	5	0
<b>KUMPULAN SOKONGAN</b>				
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan	JA36	2	2	0
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan (KUP)	JA36 KUP	38	2	4
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	JA29		32	
Pelukis Pelan	J17	6	6	0
<b>KEWANGAN</b>				
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1	1	0
<b>PENTADBIRAN &amp; SOKONGAN</b>				
Setiausaha Pejabat	N27	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	3	3	0
Pembantu Operasi	N11	2	2	0
Pemandu Kenderaan	H11	1	1	0

Selaras dengan kelulusan penyelarasan perjawatan daripada Juruteknik (Perancang Bandar (J17)) kepada Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J29) pada Julai 2014, JPBD Pulau Pinang kini mempunyai 34 pengisian jawatan JA29.

# BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN BANK DATA ICT

## FUNGSI

- Memproses Permohonan Kebenaran Merancang
- **Memproses Permohonan Tanah**
- Memproses Permohonan Pecah Sempadan Dan Penyatuan Tanah
- **Memproses Permohonan Pengambilan Balik Tanah**
- Memproses Ulasan Laporan EIA & Geoteknikal
- **Memproses Permohonan Perlingkungan Semula**
- Memproses Permohonan Papan Iklan
- **Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Seksyen 5(2)**
- Memproses Permohonan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)
- **Memproses Permohonan Rundingan Projek JKR Di Bawah Seksyen 20A**
- Membekalkan Maklumat Perancangan Secara Bertulis
- **Perundangan dan Penguatkuasaan**
- Petugas Khidmat Kaunter
- Urusetia Jawatankuasa Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)
- Pembangunan ICT Jabatan
- **Pembangunan & Perolehan Data Geospatial ( Vektor & Raster ) dan Pangkalan Data.**
- Pembekalan data / maklumat antara jabatan, agensi dan individu terlibat.
- **Pembangunan / Pengurusan Aplikasi JPBD Geoportal**
- Pengerusi dan Urusetia Pasukan Kerja MyGDI Negeri Pulau Pinang.
- **Pengerusi dan Urusetia JKPPD Negeri Pulau Pinang serta Pengurusan dan Pemantauan Data (PPD) Peringkat Negeri Pulau Pinang.**
- Menyelaras latihan-latihan melibatkan perisian untuk kegunaan jabatan.
- **Memantau dan menyelenggara Laman Web Jabatan.**
- Memantau dan mengemaskini JPBD Geoportal.
- **AJK ICT Strategik Plan (ISP) peringkat negeri & JPBD/SM serta pemantauan perlaksanaan ISP.**
- Perlaksanaan & Maklumbalas semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa eGG yang berkaitan Jabatan.
- **Perlaksanaan & Pengurusan terhadap semua aplikasi peringkat negeri & nasional yang dipertangungjawab seperti aplikasi iDOF, email, eTanah, SISIP, ICS, ePlanning.**
- Perolehan & Penyelenggaraan Peralatan ICT Jabatan.
- **Menerima dan mengambil tindakan di atas arahan Pengarah JPBD/PP dari semasa ke semasa.**



## BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN BANK DATA ICT

Barisan Hadapan

Asmahan Binti Mokti, Mohd Munizam Bin Abd Aziz, Khadijah Binti Abdul Karim, Zuraida Binti Zakaria

Barisan Belakang

